



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# KEBERKESANAN KOS: KAJIAN KES BAGI EMPAT SUBJEK DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PEREMPUAN KAPAR, KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2004



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KEBERKESANAN KOS: KAJIAN KES BAGI EMPAT SUBJEK DI SEKOLAH  
MENENGAH KEBANGSAAN PEREMPUAN KAPAR,  
KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN**

**NORSIDA BINTI IBRAHIM**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI  
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2004**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

TARIKH: 31.05.2004



NORSIDA BINTI IBRAHIM  
2002 00405

## PENGHARGAAN

Bersyukur alhamdulillah dengan izin Allah Ta’ala beserta hidayahnya dapatlah penulis menyiapkan kertas projek ini. Hanyalah kepada Allah sahaja dipohonkan keredhaan dan kejayaan.

Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada yang berbahagia En Ramlee bin Ismail selaku penyelia yang banyak membimbing dan memberi segala tunjuk ajar di dalam menyiapkan kertas projek ini.

Rakaman jutaan terima kasih juga penulis tujuhan kepada pengetua, guru-guru dan kakitangan Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Kapar yang sentiasa memberi kerjasama sepanjang kajian penulis ini. Hanya Allah sahaja yang membalas budi baik kalian.

Penghargaan istimewa juga penulis abadikan buat ibu ayah tercinta yang sentiasa menaruh harapan agar penulis sentiasa berjaya. Segala pengorbanan keduanya sentiasa diberkati Allah serta dilimpahi rahmat ke atas keduanya.

Tidak lupa juga penghargaan teristimewa buat suami tercinta, Khalid bin Habib yang banyak berkorban sepanjang penulis berada di gedung ilmu ini serta buat anak-anak tersayang Rasyid Firdaus dan Emalin Syakirah yang sentiasa sabar dan memahami



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

kesibukan ibunya belajar sehingga kadang kala mengabaikan mereka. Jadikan kejayaan ini sebagai perintis jalan untuk kalian berjaya seterusnya.

Tidak ketinggalan juga buat rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberi kerjasama dan pertolongan kepada penulis sepanjang pengajian di sini. Tidak lupa juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam menjayakan kertas projek ini. Hanya Allah sahaja yang akan membala segala budi baik kalian.

**Wassalam.**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengira keberkesanan kos bagi empat subjek iaitu Bahasa Melayu, Sejarah, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral di sebuah sekolah menengah di Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan. Kajian ini memerlukan kos bahan dan keberkesanan dikira terlebih dahulu secara berasingan sebelum dapat menentukan keberkesanan kos intervensi yang dikaji. Kos bahan yang terdiri daripada personel, kemudahan, peralatan dan bahan serta input lain akan dikira dengan menggunakan kaedah kos bahan manakala keberkesanan intervensi mata pelajaran kajian pula akan diukur dengan tiga ukuran pencapaian iaitu peratus kelulusan, gred purata mata pelajaran dan indeks pencapaian pelajar dalam peperiksaan SPM 2003. Untuk mengira keberkesanan kos, skala pengukuran yang digunakan ialah skala nisbah. Hasil kajian menunjukkan intervensi yang paling kos efektif ialah intervensi Pendidikan Islam, diikuti oleh intervensi Bahasa Melayu, Pendidikan Moral dan Sejarah. Disamping itu, dapatan kajian juga menunjukkan keberkesanan berasaskan indeks pencapaian memberi keputusan kajian yang lebih tepat berbanding lain-lain ukuran keberkesanan yang digunakan. Seterusnya kajian mencadangkan agar ditubuhkan satu jawatan kuasa khas untuk memantau amalan-amalan keberkesanan kos di sekolah bagi memastikan peningkatan pelajar dapat diperbaiki dari masa ke semasa walaupun peruntukan sumber yang diterima adalah terhad. Selain itu pengurusan sumber data hendaklah dikemaskini secara lebih sistematis.

ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## ABSTRACT

The objective of this study is to calculate the cost effectiveness of four interventions at one of the secondary school in Klang, Selangor Darul Ehsan. The interventions are consist of Bahasa Melayu, Sejarah, Pendidikan Islam and Pendidikan Moral. Ingredients method is applied to calculate the costs of the alternatives. There are four main categories of ingredients that are personnel, facilities, equipment and materials and other inputs. The effectiveness of each alternatives are measured based on the percentage of passes, average grades and student achievement index in the SPM examination for calender years of 2003. Ratio scale is applied to calculate the cost effectiveness of the subjects by dividing unit cost with effectiveness of the subjects. Findings of the study showed that the most cost-effective approach is Pendidikan Islam, followed by Bahasa Melayu, Pendidikan Moral and Sejarah. On the other hand, the cost-effectiveness based on the achievement index gives accurate result on the study compared to other methods. The study recommended that the school should form a special committee to monitor the cost-effective approach in order to increase the student achievement in the examination. Besides that, data management related to source as well as student needs should be updated more systematically.

## KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii – iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi

### BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian	1 – 11
1.2 Pernyataan Masalah	12 – 16
1.3 Objektif Kajian	16
1.4 Persoalan Kajian	16 - 17
1.5 Definisi Operational	
1.5.1 Bahan atau Ramuan	17 - 19
1.5.2 Bantuan Per Kapita (PCG)	19
1.5.3 Output atau Keberkesanan	19 - 20
1.5.4 Keberkesanan Kos	21
1.5.5 Pihak Bertanggungjawab	21

**BAB 2 SOROTAN LITERATUR/LATAR BELAKANG MASALAH**

2.1	Pengenalan	22
2.2	Kajian kos program pendidikan	22 - 25
2.3	Kajian tentang amalan-amalan keberkesanan dalam program pendidikan	25 – 26
2.4	Kajian tentang hubungan antara peruntukan sumber dengan pencapaian pelajar	27 – 29
2.5	Kajian-kajian keberkesanan kos	
2.5.1	Kajian keberkesanan kos di luar negara	29 – 37
2.5.2	Kajian keberkesanan kos di dalam negara	38 – 43
2.6	Kesimpulan kajian literatur	43 – 44

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	45
3.2	Mengira Kos Bahan	45 - 46
3.2.1	Kaedah Kos Bahan	46 - 51
3.3	Mengira Kadar Bantuan Per Kapita (PCG)	51 - 52
3.4	Mengira Keberkesanan	53 - 54
3.5	Mengira Keberkesanan Kos	54 - 55
3.6	Tempat Kajian	56
3.7	Sampel Kajian	56 - 57



3.8	Pengumpulan Data	57 - 59
3.9	Alat Kajian	60
3.10	Limitasi Kajian	60 - 61
3.11	Penganalisisan Data Statistik	61
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN DAN PERBINCANGAN</b>	
4.1	Pengenalan	62
4.2	Bahan atau Ramuan dalam Intervensi	62 – 64
4.3	Kos Bahan setiap Intervensi yang dikaji	64 – 69
4.4	Keberkesanan setiap mata pelajaran kajian	70 – 72
4.5	Keberkesanan Kos setiap mata pelajaran kajian	72 - 76
4.6	Perbandingan Keberkesanan Kos mata pelajaran kajian	77 - 78
<b>BAB 5</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	79
5.2	Rumusan Kajian	79 - 82
5.3	Implikasi dan Cadangan untuk Amalan	82 - 85
5.4	Cadangan untuk Kajian Selanjutnya	85 - 86
<b>RUJUKAN</b>		87 – 90





## SENARAI JADUAL

Jadual muka surat

Jadual 1.1	Peruntukan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Belanjawan Tahunan Kerajaan Persekutuan 1996 – 2003	2
Jadual 1.2	Peruntukan Bantuan Per Kapita (PCG), 2000 – 2003	6
Jadual 1.3	Kumpulan Mata Pelajaran Sekolah Menengah	9
Jadual 1.4	Analisa Peruntukan PCG Mengikut Jenis Bantuan	10
Jadual 1.5	Pembahagian PCG Mata Pelajaran Teras di SMK(P)K	12
Jadual 1.6	Pembahagian Baki 40 Peratus PCG Mata Pelajaran Teras Di SMK(P)K	14
Jadual 3.1	Pengiraan Kos Seorang Personel	48
Jadual 3.2	Kadar Bantuan Per Kapita (PCG) Mata Pelajaran Teras bagi Sekolah Menengah Harian/Sekolah Asrama Penuh	51
Jadual 3.3	Tuntutan Bantuan Per Kapita Mata Pelajaran Teras di SMK(P)K bagi Tahun 2003	52
Jadual 3.4	Matriks bagi Kos dan Keberkesanan	55
Jadual 4.1	Senarai Bahan bagi Intervensi Bahasa Melayu, Sejarah, Pendidikan Islam dan Pendidikan moral, 2003	63
Jadual 4.2	Kos Bahan bagi Mata Pelajaran Terpilih di SMK(P)K, 2003	65
Jadual 4.3	Indeks Pencapaian bagi Intervensi Bahasa Melayu, Sejarah, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral, 2003	70



Jadual 4.4	Keberkesanan bagi Intervensi Bahasa Melayu, Sejarah, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral, 2003	71
Jadual 4.5	Keberkesanan Kos bagi Mata Pelajaran Terpilih di SMK(P)K	73
Jadual 4.6	Perbandingan Keberkesanan Kos bagi Mata Pelajaran Terpilih di SMK(P)K	77

## SINGKATAN

<b>KNK</b>	<b>Keluaran Negara Kasar</b>
<b>LPK</b>	<b>Lain-lain Perbelanjaan Khas</b>
<b>LPBT</b>	<b>Lain-lain Perbelanjaan Berulang Tahun</b>
<b>PCG</b>	<b>Bantuan Per Kapita</b>
<b>PIBG</b>	<b>Persatuan Ibubapa Guru</b>
<b>PTJ</b>	<b>Pihak Bertanggungjawab</b>
<b>RMke7</b>	<b>Rancangan Malaysia Ketujuh</b>
<b>RMke8</b>	<b>Rancangan Malaysia Kelapan</b>

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Sumber tenaga kerja merupakan faktor penting dalam menentukan tahap dan corak pembangunan negara. Pengeluaran sumber tenaga kerja melalui sistem pendidikan yang baik dan sistematik merupakan langkah memenuhi hasrat menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian yang maju dengan ciri dan nilai-nilai tersendiri.

Sejajar dengan hasrat tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa memantapkan pengurusan perkhidmatan pendidikan dengan melaksanakan penambahbaikan yang berterusan. Antaranya, mengemaskini input-input pendidikan dalam aspek kurikulum, sumber pengajaran dan pembelajaran, latihan guru dan kemudahan bagi meningkatkan kualiti dan proses penyampaian pendidikan. Ia bertujuan untuk memastikan pembangunan fizikal yang kondusif sentiasa disokong dengan input pendidikan yang relevan supaya mengikut tuntutan masa dan keperluan negara.

Justeru, tidak hairanlah Kerajaan Persekutuan menyediakan jumlah peruntukan yang lebih besar kepada Kementerian Pendidikan berbanding sektor awam yang lain kerana ingin memastikan kemapanan pembangunan pendidikan berteraskan konsep aksesibiliti, ekuiti, kualiti dan pendemokrasian dilaksanakan dengan jayanya. Sektor pendidikan menerima lebih kurang satu perlama daripada jumlah peruntukan tahunan sektor awam sejak merdeka hingga kini. Jumlah tersebut semakin meningkat dari setahun ke setahun.

Peruntukan yang diagihkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia antara tahun 1998 hingga 2003 ditunjukkan dalam Jadual 1.1.

**Jadual 1.1**

 05-4506832     pustaka.upsi.edu.my     Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah     PustakaTBainun     ptbupsi

**Peruntukan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Belanjawan Tahunan Kerajaan Persekutuan,  
1998 – 2003**

Tahun	Jumlah Peruntukan untuk KPM (RM Juta)	Jumlah Peruntukan Sektor Awam (RM Juta)	Peratus daripada Peruntukan Keseluruhan (%)
1998	13,443	64,868	20.7
1999	15,323	69,312	22.1
2000	20,022	84,488	23.7
2001	24,785	98,992	25.0
2002	29,418	104,676	28.1
2003	29,931	111,200	26.9

Sumber: Laporan Ekonomi, pelbagai tahun

Kementerian Pendidikan Malaysia dijangka terus menerima jumlah peruntukan kewangan yang besar daripada Kerajaan Persekutuan disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- a) Sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan akan terus menjadi pilihan ibu bapa kerana yuran persekolahan yang rendah;
- b) Pendidikan rendah dan menengah yang ditawarkan oleh institusi pendidikan swasta dijangkakan tidak bertambah dengan cepat;
- c) Institusi pendidikan swasta yang menyediakan kemudahan pendidikan rendah dan menengah dijangka terus lebih tertumpu di kawasan bandar; dan
- d) Dasar kerajaan yang mewajibkan semua ibubapa/penjaga menghantar anak-anak ke sekolah sehingga usia 15 tahun. Jika gagal berbuat demikian ibubapa/penjaga akan dikenakan denda RM2,000 bagi setiap seorang anak.

Walaupun terdapat peningkatan, peruntukan yang diterima oleh Kementerian Pendidikan Malaysia masih lagi terhad dalam memenuhi keperluan negara bagi membangunkan sektor pendidikan. Ini terbukti apabila Peruntukan Kewangan Tahunan dan Peruntukan Rancangan Pembangunan Lima Tahun yang diterima daripada Perbadanan Malaysia adalah lebih rendah daripada anggaran perbelanjaan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Anggaran bagi Rancangan Malaysia Ketujuh (RMKe7) yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia adalah sebanyak RM12.3 billion dan amaun yang diterima adalah sebanyak RM17.1 billion di mana pertambahan tersebut diberikan semasa Kajian Separuh Penggal RMKe7. Bagi Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe8) pula anggarannya

RM49.5 billion tetapi amaun yang diperoleh adalah RM18.7 billion (Pembangunan Pendidikan 2001 - 2010, 2001).

Sumber pembiayaan yang terhad menyebabkan Kementerian Pendidikan Malaysia perlu menentukan keutamaan kepada program yang dirancang. Implikasinya terdapat program-program yang kurang diberi keutamaan. Bagi program-program yang terpilih, Kementerian Pendidikan Malaysia perlu memastikan peruntukan kewangan digunakan secara optimum dan menepati konsep akauntabiliti, kecekapan dan keberkesanan pengurusan. Pengurusan sumber itu perlu dilakukan secara telus dan berhemah bagi memastikan kejayaan pencapaian matlamat pendidikan negara.

Salah satu program utama yang diberi keutamaan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia ialah Program Pendidikan Prasekolah, Rendah dan Menengah. Secara purata, program ini menerima lebih kurang 50 peratus daripada keseluruhan peruntukan yang diperoleh oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Peruntukan ini meliputi perbelanjaan pengembangan dan penilaian kurikulum, pengurusan perkhidmatan guru dan kakitangan bukan guru, pendidikan guru, penyediaan dan penyelenggaraan, alat ganti, makanan murid, pengurusan sekolah, program sokongan, keselamatan sekolah, asrama penuh dan asrama sekolah (Pembangunan Pendidikan 2001 – 2010, 2001).

Dalam membiayai pengurusan sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia memberi peruntukan yang dipanggil Bantuan Per Kapita (PCG) kepada pihak sekolah. PCG merupakan bantuan kewangan yang diperuntukkan kepada sekolah mengikut enrolmen murid bagi Sekolah Kerajaan atau Sekolah Bantuan Kerajaan. Ia meliputi PCG mata pelajaran dan PCG bukan mata pelajaran.

Isu utama yang berhubung dengan pemberian peruntukan ini ialah norma pemberian peruntukan PCG yang diguna pakai masakini dikatakan tidak menguntungkan sekolah kecil dan tidak mengambil kira keperluan pendidikan keseluruhan. Ini adalah kerana sekolah kecil menerima peruntukan PCG yang sedikit manakala sekolah besar menerima peruntukan PCG yang lebih besar. Disamping itu, perbelanjaan yang dilakukan oleh sekolah-sekolah kecil telah mewujudkan pertentangan antara objektif keberkesanan kos dengan konsep aksesibiliti pendidikan dan ekuiti yang menjadi teras pelaksanaan program Kementerian Pendidikan (Pembangunan Pendidikan 2001 – 2010, 2001). Justeru, cabaran yang dihadapi oleh Kementerian Pendidikan adalah untuk mewujudkan:

- a) norma pemberian peruntukan geran per kapita yang boleh menguntungkan sekolah kecil;
- b) norma pemberian geran per kapita yang lebih realistik berdasarkan perkembangan terbaru dalam sistem pendidikan dan keperluan semasa; dan
- c) mekanisme untuk melaksanakan program pendidikan yang berkesan dari segi kos tanpa mengabaikan keperluan pendidikan terutamanya sekolah kecil dan sekolah di kawasan terpencil dan pedalaman .

Sehubungan itu menerusi surat KP.1573/17/jld. 14(5) bertarikh 17 Oktober 2002, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan arahan baru berhubung Tuntutan Bantuan Per Kapita dan Bantuan Makanan Tahun 2003 mengikut Pekeliling Kewangan Bil. 5 Tahun 2002 yang berkuat kuasa serta merta. Oleh itu, Surat Pekeliling Kewangan Bil. 4 Tahun 1995 (Pemberian Bantuan Kepada Prasekolah), dan Surat

Pekeliling Kewangan Bil. 7 Tahun 2000 (Pemberian Bantuan Per Kapita Untuk Sekolah-Sekolah) dibatalkan.

Pelaksanaan Kadar Baru PCG Sekolah mengikut Surat Pekeliling Kewangan Bil. 5 Tahun 2002 turut menunjukkan peningkatan peruntukan PCG. Pada tahun 2003, PCG diperuntukkan sebanyak RM617,632,825 bagi program Pendidikan Prasekolah, Rendah dan Menengah atau penambahan sebanyak 39.2 peratus berbanding peruntukan bagi tahun 2002. Peruntukan PCG pada tahun 2003 adalah 2 kali ganda melebihi peruntukan PCG pada tahun 2001. Perubahan dalam peruntukan PCG bagi program Pendidikan Prasekolah, Rendah dan Menengah mulai tahun 2000 hingga 2003 ditunjukkan dalam Jadual 1.2.

**Jadual 1.2****Peruntukan Bantuan Per Kapita (PCG), 2000 - 2003**

Tahun	Peruntukan (RM)	Perbezaan (RM)	Pertambahan (%)
2000	315,092,888	-	-
2001	364,687,943	49,595,157	15.7
2002	443,613,100	78,925,157	21.6
2003	617,632,825	174,019,725	39.2

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000 - 2003

Walaupun terdapat peningkatan, peruntukan yang diterima masih lagi tidak mencukupi untuk membantu sekolah meningkatkan prestasi pencapaian pelajar pada tahap yang diharapkan. Hanushek (1994) menyatakan indeks-inflasi tabungan



pendidikan per murid telah meningkat sejak setengah abad yang lalu tetapi secara umumnya pencapaian pelajar yang diukur dengan menggunakan ujian yang standard tetap menunjukkan tidak ada perubahan.

Odden dan Busch (1998) turut sepakat bahawa walaupun sumber pembiayaan pendidikan telah menunjukkan peningkatan yang amat besar sejak 40 tahun yang lepas, peningkatan dalam pencapaian pelajar adalah tidak seiring dengan peningkatan dalam sumber pembiayaan pendidikan. Oleh itu perlu difikirkan alternatif lain bagi memaksimumkan prestasi pencapaian pelajar walaupun peruntukan kewangan yang diterima oleh pihak sekolah adalah terhad. Salah satu caranya ialah mengenalpasti sejauh manakah keberkesanan program-program yang dilaksanakan dapat meningkatkan prestasi pencapaian pelajar-pelajar dalam peperiksaan awam yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.

Sehingga kini, tidak ada kajian-kajian yang terperinci dan menyeluruh dalam negara tentang keberkesanan kos program pendidikan. Maka amat sukar untuk membuat kesimpulan atau penilaian keberkesanan program, khususnya daripada sudut kos efektif. Oleh itu, timbulah persoalan sejauh manakah intervensi di sekolah berkesan dari segi kos? Justeru, adalah wajar untuk menjalankan satu kajian bukan sahaja untuk menilai keberkesanan kos tetapi juga menilai semula aspek-aspek kecekapan pelaksanaan program-program akademik di sekolah-sekolah.

Sekolah adalah sebuah institusi pendidikan di mana pentadbiran harta dan kewangannya tertakluk kepada peruntukan yang terdapat dalam Education (Accounts and Audit) Rules, 1962 yang dikeluarkan di bawah Akta Pendidikan 1996 (Tatacara



Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Sekolah, 2000). Seperti lain-lain sekolah kerajaan, Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Kapar juga tidak terkecuali daripada menerima peruntukan PCG daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

Di bawah peruntukan tersebut, pihak sekolah dikehendaki menyelenggara dan menyimpan akaun dan rekod-rekod dengan sempurna serta menyedia dan mengemukakan satu penyata akaun tahun kewangan terkini kepada pihak audit sebelum 31 Mac pada tiap-tiap tahun (Tatacara Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Sekolah, 2000).

Walau bagaimanapun, mengikut Surat Pekeliling Kewangan Kementerian Pendidikan Bil. 5 Tahun 2002, pihak sekolah dikehendaki mengemukakan penyata akaun tersebut selewat-lewatnya pada 31 Januari tahun berikutnya kepada Pihak Bertanggungjawab (PTJ). Ini bertujuan untuk membolehkan pelarasan atau pembetulan dibuat pada penyata akaun tersebut jika didapati perlu.

Selain itu tuntutan PCG tahun 2003 pula perlu dikemukakan kepada pihak bertanggungjawab (PTJ) selewat-lewatnya pada 30 November tahun 2002 berdasarkan enrolmen murid pada 1 Oktober 2002. Tuntutan pelarasan pula boleh dibuat sekali sahaja oleh sekolah yang mengalami pertambahan murid sekurang-kurangnya 5 peratus atau 100 orang murid berbanding bilangan murid pada tarikh asas tuntutan. Tuntutan pelarasan ini perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada 31 Julai 2003.

Untuk memudahkan tuntutan kewangan maka kumpulan PCG matapelajaran dikelaskan kepada mata pelajaran Teras, Wajib, Tambahan/Bahasa Asing dan Elektif

manakala PCG Bukan Matapelajaran ialah Pusat Sumber Sekolah, Bimbingan dan Kaunseling serta Lain-lain Perbelanjaan Berulang Tahun/Lain-lain Perbelanjaan Khas (LPBT/LPK). Kumpulan PCG mata pelajaran ditunjukkan seperti dalam Jadual 1.3.

### Jadual 1.3

#### Kumpulan Mata Pelajaran Sekolah Menengah

Teras	Wajib	Tambahan/Bahasa Asing	Elektif
Bahasa Melayu	Pendidikan Jasmani	Bahasa Cina	Sains Tulen
Bahasa Inggeris	Kemahiran Hidup	Komunikasi	Pengajian Islam
Pendidikan Islam	Pendidikan Seni Visual	Bahasa Tamil Komunikasi	Sastera Ikhtisas
Pendidikan Moral	Pendidikan Muzik	Bahasa Iban	Kemanusiaan
Sejarah		Bahasa Perancis	Bahasa
Sains			Teknologi Vokasional
Matematik			
Geografi			

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002

Berdasarkan enrolmen murid pada 1 Oktober 2002, bilangan murid yang belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Kapar ialah 1589 orang, iaitu 853 pelajar adalah pelajar menengah rendah dan 736 orang adalah pelajar menengah atas.

Sehubungan itu Bantuan Per Kapita Bagi Tahun 2003 yang telah dikreditkan ke dalam Akaun Kumpulan Wang Kerajaan kepunyaan Sekolah Menengah Kebangsaan

Perempuan Kapar adalah sebanyak RM217,739.10. Analisa peruntukan mengikut jenis bantuan ditunjukkan dalam Jadual 1.4.

#### Jadual 1.4

#### Analisa Peruntukan PCG Mengikut Jenis Bantuan

Bilangan	Jenis Bantuan	Jumlah Peruntukan (RM)
1	Sains Tulen	12,936.00
2	Bimbingan dan Kaunseling	8,570.00
3	Kemanusiaan	2,271.00
4	LPBT/LPK Sekolah	76,186.00
5	Pusat Sumber Sekolah	20,641.00
6	Sastera Ikhtisas	6,205.00
7	Tambahan	1,452.00
8	Teknologi	1,068.00
9	Teras	46,748.00
10	Wajib	41,661.60
Jumlah Besar		217,739.10

Sumber: Jabatan Pendidikan Selangor, 2003

Selain itu maksud perbelanjaan PCG Mata Pelajaran turut dikemaskinikan. Mengikut Surat Pekeliling Kewangan Bil. 5 Tahun 2002, perbelanjaan PCG Baru adalah tertakluk kepada perbelanjaan-perbelanjaan seperti berikut:



- a) Pembelian peralatan kecil dan bahan habis guna untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran;
- b) Pembelian buku rujukan, ensaiklopedia, perisian, video tape dan lain-lain yang bersesuaian untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran;
- c) Penyelenggaraan peralatan termasuk komputer;
- d) Keceriaan berunsurkan pendidikan seperti taman sains, taman herba dan lain-lain;
- e) Program dan lawatan berunsurkan pendidikan yang memberi pengukuhan pengajaran dan pembelajaran semasa cuti persekolahan atau hari persekolahan;
- f) Perolehan harta modal tidak dibenarkan; dan
- g) Bayaran bil-bil utiliti, selaras dengan yang terdahulu.



Berhubung pelaksanaan Kadar Baru PCG Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan arahan baru berhubung agihan PCG bagi matapelajaran Teras, di mana 60 peratus daripada jumlah peruntukan perlu diagihkan kepada mata pelajaran Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris. Daripada jumlah tersebut pula 40 peratus adalah bagi mata pelajaran sains dan 30 peratus masing-masing adalah untuk mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris (Surat Pekeliling Kewangan Kementerian Pendidikan Bil. 5 Tahun 2002). Baki 40 peratus lagi daripada jumlah peruntukan mata pelajaran Teras akan diagihkan kepada lain-lain mata pelajaran di bawah kumpulan mata pelajaran Teras iaitu Bahasa Melayu, Sejarah, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Geografi.



## 1.2 Pernyataan Masalah

Pada tahun 2003, pembahagian PCG mata pelajaran Teras di SMK(P)K telah diagihkan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.5.

**Jadual 1.5**

### **Pembahagian PCG Mata Pelajaran Teras di SMK(P)K**

Peruntukan	Mata Pelajaran	Amaun (RM)	Peratus (%)
Teras	Sains	11,219.52	24.00
	Matematik	8,414.64	18.00
	Bahasa Inggeris	8,414.64	18.00
	Lain-lain Mata Pelajaran Teras	18,699.20	40.00
Jumlah		46,748.00	100.00

Sumber: SMK(P)K, 2003

Memandangkan tidak ada garis panduan yang tetap daripada Pihak Kementerian, maka timbulah isu bagaimanakah baki 40 peratus daripada peruntukan kewangan matapelajaran teras iaitu RM18,699.20 hendak diagihkan kepada ketua-ketua panitia mata pelajaran Bahasa Melayu, Sejarah, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Geografi agar dapat membelanjakan peruntukan wang yang terhad itu ke arah memaksimumkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan awam. Pada ketika yang sama bilangan murid yang mengambil mata pelajaran-mata pelajaran tersebut juga adalah berbeza.



Penetapan peruntukan PCG kepada setiap panitia amat penting agar sumber yang diperolehi dapat digunakan secara efisyen dan optimum. Selaku pengurus pendidikan, pengetua juga perlu memastikan setiap pembelian yang dilakukan adalah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan. Sehubungan itu pengetua perlu memastikan setiap panitia memperoleh sumber kewangan yang secukupnya agar perancangan perbelanjaan panitia dapat dilakukan dengan lebih baik berdasarkan peruntukan yang diagihkan oleh pengetua sekolah. Tindakan ini secara tidak langsung membantu pengetua mengatasi masalah pembaziran sumber dan ketidakcukupan kewangan untuk menjalankan lain-lain aktiviti penting panitia sepanjang tahun.

Sebagai langkah permulaan pengetua memutuskan pembahagian peruntukan

tersebut berdasarkan kepentingan, bilangan pelajar dan keperluan semasa sesuatu mata pelajaran kepada pelajar. Memandangkan mata pelajaran Bahasa Melayu dianggap paling penting dan wajib lulus kepada pelajar, maka peruntukan wang bagi panitia Bahasa Melayu adalah paling tinggi berbanding lain-lain mata pelajaran diikuti oleh panitia Sejarah, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Pembahagian PCG yang dibuat hanyalah sebagai satu garis panduan kepada ketua-ketua panitia untuk membuat perancangan perbelanjaan aktiviti bagi tahun 2003. Namun demikian, jika didapati peruntukan yang diterima oleh panitia tidak mencukupi dan ada aktiviti penting yang perlu dijalankan maka pengetua akan menggunakan peruntukan daripada mana-mana panitia yang lain untuk membiayai aktiviti panitia tersebut. Ini disebabkan pengetua tidak menerima satu garis panduan yang jelas daripada Kementerian Pendidikan Malaysia berhubung cara pembahagian baki 40 peratus peruntukan PCG untuk lain-lain mata pelajaran teras selain mata pelajaran Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris.



Pada tahun 2003, pembahagian baki 40 peratus PCG mata pelajaran teras di SMK(P)K telah diagihkan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.6.

### **Jadual 1.6**

#### **Pembahagian Baki 40 Peratus PCG Mata Pelajaran Teras di SMK(P)K**

Peruntukan	Mata Pelajaran	Amaun (RM)	Peratus (%)
Teras	Bahasa Melayu	7,479.68	40.00
	Sejarah	3,739.84	20.00
	Pendidikan Islam	2,804.88	15.00
	Pendidikan Moral	2,804.88	15.00
	Geografi	1,869.92	10.00
Jumlah		18,699.20	100.00

Sumber: SMK(P)K, 2003

Jadual 1.6 di atas jelas menunjukkan panitia Bahasa Melayu menerima agihan peruntukan yang tertinggi iaitu 40 peratus, diikuti Panitia Sejarah sebanyak 20 peratus dan masing-masing sebanyak 15 peratus bagi mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral serta 10 peratus bagi mata pelajaran Geografi.

Berdasarkan agihan yang ditetapkan oleh pengetua, timbul persoalan sejauh manakah ketua-ketua panitia membelanjakan peruntukan wang yang diberi ke arah memaksimumkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran masing-masing di Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Kapar.

Sehingga kini, belum ada kajian yang menyeluruh berkaitan penilaian dan pengukuran keberkesanan program-program intervensi di sekolah dari segi kos. Kajian sebelum ini banyak tertumpu berkaitan penggunaan Bantuan Per Kapita Sekolah seperti kajian oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan Malaysia (1994; 1995; dan 1996) yang mengkaji kadar bantuan PCG di sekolah-sekolah rendah dan menengah.

Justeru itu, satu kajian perlu dijalankan untuk mendapatkan maklumat tentang aktiviti-aktiviti panitia yang dijalankan di sekolah kajian, membantu mengenal pasti tahap keberkesanan intervensi dan mengira keberkesanan kos bagi setiap intervensi yang dipilih. Disamping itu kajian ini juga bertujuan untuk mencari satu alternatif bagi pembahagian PCG dan menyediakan satu garis panduan yang boleh diambilkira untuk pembahagian PCG oleh pengetua sekolah.

Bagi tujuan kajian awal ini, penyelidik telah memilih empat panitia iaitu Panitia Bahasa Melayu, Sejarah, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral sebagai bahan kajian memandangkan keempat-empat mata pelajaran adalah di bawah komponen lain-lain matapelajaran teras. Mata pelajaran Geografi tidak ditawarkan kepada pelajar tingkatan empat dan lima di SMK(P) Kapar. Oleh itu panitia ini tidak dimasukkan ke dalam kajian kerana ia tidak selari dengan metodologi kajian.

Keempat-empat intervensi ini mempunyai objektif yang sama iaitu meningkatkan prestasi akademik pelajar-pelajar secara kualiti dan kuantiti ke arah tiada kegagalan dalam peperiksaan SPM 2003. Namun begitu terdapat perbezaan matlamat dari segi bilangan pelajar untuk mendapat gred A. Panitia Bahasa Melayu mensasarkan sebanyak 25 peratus, panitia Sejarah sebanyak 10 peratus, panitia Pendidikan Islam

sebanyak 30 peratus dan panitia Pendidikan Moral sebanyak 20 peratus pelajar untuk mendapat cemerlang (gred A) dalam peperiksaan SPM 2003.

### **1.3 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini, secara umumnya untuk mengenalpasti input-input pendidikan yang digunakan oleh Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Kapar, keberkesanan program-program intervensi yang telah dilaksanakan dan mengira keberkesanan kos bagi setiap program-program intervensi tersebut. Secara ringkas objektif kajian penyelidikan ini adalah seperti berikut:

- a) Mengenal pasti bahan (ingrediens) dalam setiap intervensi.
- b) Mengira kos bahan setiap intervensi yang dikaji.
- c) Mengira keberkesanan setiap mata pelajaran.
- d) Mengira keberkesanan kos setiap mata pelajaran.
- e) Membandingkan keberkesanan kos mata pelajaran-mata pelajaran kajian.

### **1.4 Persoalan Kajian**

Soalan-soalan kajian adalah berdasarkan kepada objektif-objektif yang telah dinyatakan di atas, iaitu:-

- a) Apakah bahan (ingrediens) yang digunakan dalam setiap intervensi?



- b) Berapakah kos bagi menjalankan setiap satu daripada program intervensi tersebut?
- c) Sejauh manakah keberkesanan setiap mata pelajaran yang dikaji?
- d) Sejauh manakah keberkesanan-kos bagi setiap program intervensi yang telah dijalankan?
- e) Apakah program intervensi yang paling kos-efektif daripada program-program panitia yang dikaji?

## 1.5 Definisi Operasi



### 1.5.1 Bahan/Ingredien/Ramuan

Menurut Levin (2000), penilaian keberkesanan kos perlu dilihat inputnya berdasarkan beberapa ingrediens atau ramuan, iaitu personel, kemudahan, peralatan dan bahan, dan input lain. Dalam kajian ini ramuan yang terlibat terdiri daripada:

#### a) Personel

Personel yang dimaksudkan adalah guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu, Sejarah, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral bagi tingkatan lima pada tahun 2003.



### b) Kemudahan

Kemudahan merujuk kepada kemudahan fizikal iaitu bilik darjah, kelengkapan, bilik khas dan penghawa dingin yang perlu ada untuk menjalankan aktiviti setiap panitia di sekolah. Dalam kajian ini ia terhad kepada bilik darjah yang digunakan untuk menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran.

### c) Peralatan dan Bahan

Peralatan dan bahan merupakan alat-alat yang perlu disediakan oleh panitia bagi memastikan kelancaran dan keselesaan perlaksanaan aktiviti panitia di sekolah.

Peralatan dan bahan ini termasuklah:

- i) Meja dan kerusi pelajar
- ii) LCD/ Radio/ Tape
- iii) Buku rujukan/ Buku kerja
- iv) Fotokopi/ Reso/ Binding
- v) Carta/poster
- vi) Pensil warna/ pensil/ pen/ notebook/ pemadam/ set alat tulis
- vii) Fail kertas
- viii) Bendera
- ix) Plastik lutsinar (Transparensi overhead)
- x) Set hadiah
- xi) Papan kekunci Jawi
- xii) Kertas majong/ kad manila
- xiii) ‘Cartdridge/ refill ink’
- xiv) ‘Double sided tape’



#### d) Input Lain

Input lain merupakan lain-lain bahan selain daripada yang tersenarai seperti sebelumnya. Bahan-bahan ini tidak digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran secara formal di bilik darjah sebaliknya digunakan semasa aktiviti-aktiviti tambahan panitia seperti tambang pelajar, jamuan, bayaran aktiviti Jawatan Kuasa Kecil Panitia Daerah dan bayaran pendaftaran aktiviti panitia Daerah. Selain itu, ia juga termasuk pembiayaan aktiviti panitia daripada lain-lain sumber seperti PIBG.

#### 1.5.2 Bantuan Per Kapita (PCG)

Bantuan Per Kapita merupakan satu bantuan kewangan untuk pembelajaran yang diperuntukkan kepada setiap murid sekolah sama ada sekolah yang bertaraf Sekolah Kerajaan atau Sekolah Bantuan Kerajaan. Kadar-kadar tertentu ditetapkan bagi memudahkan tuntutan dibuat oleh pihak sekolah.

#### 1.5.3 Output atau Keberkesanan

Ukuran output pendidikan boleh dibahagikan kepada dua iaitu output pertengahan dan output akhir. Output pertengahan merujuk kepada pelaksanaan intervensi di sekolah kajian manakala output akhir pula ialah hasil daripada intervensi iaitu perubahan tingkah laku pelajar, peningkatan pencapaian pelajar, pengurangan kes salah laku dan lain-lain. Oleh kerana amat sukar untuk mengukur perubahan-perubahan di atas, penyelidik telah menggunakan output pertengahan dalam kajian ini. Ini disebabkan penyelidik bukan sahaja tidak





dapat menentukan faktor dominan yang mempengaruhi perubahan-perubahan tersebut bahkan pula kajian ini adalah kajian yang dijalankan untuk tempoh 2003 sahaja. Maka keberkesanan berasaskan output akhir tidak dapat diukur dengan tepat.

Menurut Levin (2001), kebanyakan penilai boleh mengelakkan output pertengahan sebagai ukuran kerana pelbagai masalah pengumpulan data. Tatto, Nielson dan Cumming (1991) membandingkan kos efektif bagi tiga program pendidikan guru menggunakan output pertengahan, iaitu peningkatan penguasaan isi kandungan dan pedagogi di kalangan bakal guru sebagai proksi kepada keberkesanan pengajaran dan pencapaian pelajar. Begitu juga dengan kajian Hartman dan Fay (1996), mereka menggunakan output pertengahan iaitu bilangan pelajar yang menerima perkhidmatan ~~intervensi~~ dengan andaian bahawa output pertengahan ini mempunyai hubungan dengan pengurangan kesukaran pembelajaran bagi kanak-kanak kurang upaya.

Dalam kajian keberkesanan kos bagi empat subjek di Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Kapar, ukuran bagi keberkesanan adalah menggunakan output pertengahan iaitu peratus kelulusan pelajar, gred purata mata pelajaran dan indeks pencapaian pelajar dalam peperiksaan SPM 2003.





#### 1.5.4 Keberkesanan Kos

Mengikut *International Encyclopedia of Economics of Education* (1995:381):

“Cost-effectiveness analysis refers to the consideration of decision alternatives in which both their costs and consequences are taken into account in a systematic way. It is a decision-oriented tool, in that it is designed to ascertain which means of attaining particular educational goals are most efficient.”

Crampton (1997) pula menyatakan keberkesanan kos ialah memilih alternatif yang terbaik dari segi kos yang paling sedikit dan bukannya dari segi kos yang paling rendah.

Dalam kajian ini keberkesanan kos merujuk kepada indeks yang diperoleh hasil daripada membahagikan kos untuk mengendalikan program-program intervensi di Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Kapar berbanding dengan hasilan/keberkesanan yang diperoleh hasil daripada program-program intervensi yang dijalankan. Secara rumus

$$\text{Keberkesanan kos} = \text{Kos (C)} / \text{keberkesanan (E)} \text{ di mana}$$

C ialah unit kos dan;

E ialah keberkesanan intervensi

#### 1.5.5 Pihak Bertanggungjawab

Dalam konteks kajian ini, pihak bertanggungjawab adalah merujuk kepada Pegawai Pendidikan Daerah Klang.

